



## JABATAN PERTANIAN



### TATACARA OPERASI PIAWAI

TOP 1.5.7/0022/BKRPB/0004

### TATACARA PEMERIKSAAN DAN SERBUAN DALAM PENGUATKUASAAN

PERKARA	DILULUSKAN	DIDAFTARKAN
TANDATANGAN		
NAMA	DATO' NOR SAM BINTI ALWI	MOHD NAZRI BIN ABU SEMAN
JAWATAN	KETUA PENGARAH PERTANIAN	PENGARAH BAHAGIAN PERANCANGAN STRATEGIK
TARIKH	25 JUL 2024	25 JUL 2024

 JABATAN PERTANIAN	BAHAGIAN KAWALAN RACUN PEROSAK DAN BAJA	Bil Muka Surat	
		Tarikh Kuatkasa	25 Julai 2024
		Bil Pindaan	
NO. PENDAFTARAN TOP: 1.5.7/0022/BKRPB/0004	TATACARA OPERASI PEMERIKSAAN DAN SERBUAN DALAM PENGUATKUASAAN	Tarikh Akhir Kemaskini	-
PEMILIK TOP	SEKSYEN PENGUATKUASAAN		

### Tatacara Operasi Pemeriksaan dan Serbuan dalam Penguatkuasaan

REKOD PINDAAN				
Adalah menjadi tanggungjawab pemilik TOP ini untuk memastikan dokumen ini sentiasa dikemaskini dengan memasukkan semua pindaan-pindaan yang dibuat di dalamnya.				
BUTIRAN PINDAAN				
Tarikh	No. Para	Muka Surat	Bentuk Pindaan	Diluluskan

 JABATAN PERTANIAN	BAHAGIAN KAWALAN RACUN PEROSAK DAN BAJA	Bil Muka Surat	
		Tarikh Kuatkasa	25 Julai 2024
		Bil Pindaan	
NO. PENDAFTARAN TOP: 1.5.7/0022/BKRPB/0004	TATACARA OPERASI PEMERIKSAAN DAN SERBUAN DALAM PENGUATKUASAAN	Tarikh Akhir Kemaskini	
PEMILIK TOP	SEKSYEN PENGUATKUASAAN		

## **Tatacara Operasi Pemeriksaan dan Serbuhan Dalam Penguatkuasaan di bawah Akta Racun Makhluk Perosak 1974 (Akta 149)**

### **1. Tujuan**

Tujuan tatacara operasi piawai ini adalah sebagai panduan kepada pegawai serbuhan (*Raid Officer (RO)*) dalam melakukan serbuhan mengikut tatacara yang betul dan selamat mengikut kehendak Akta Racun Makhluk Perosak (ARMP) 1974 dan peraturan-peraturan di bawah akta ini. Ia juga disediakan sebagai rujukan kepada Pegawai Penguatkuasa (Pegawai Yang Diberi Kuasa) di bawah Akta Racun Makhluk Perosak 1974, dan semua Pegawai di Jabatan Pertanian dalam menjalankan aktiviti penguatkuasaan.

TOP ini dibangunkan untuk mewujudkan keseragaman dalam tindakan semasa operasi serbuhan dilaksanakan. TOP ini adalah dibangunkan mengikut yang terkandung dalam Seksyen 31 sehingga Seksyen 33 ARMP 1974.

### **2. Pengenalan**

TOP ini perlu dipatuhi oleh setiap pegawai yang diberi kuasa semasa serbuhan dilaksanakan. Pegawai yang diberi kuasa adalah pegawai awam yang diberi kuasa oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta* seperti yang diperuntukkan di bawah Seksyen 2. Kuasa yang diturunkan kepada pegawai yang diberi kuasa adalah diterangkan dalam Seksyen 22, Seksyen 31 dan Seksyen 32 (Lampiran 1).

Penguatkuasaan perlu dilaksanakan untuk memastikan kepatuhan dalam ARMP 1974. Sebarang pelanggaran atau ketidakpatuhan mengikut akta bole dianggap telah melakukan kesalahan dan boleh disabitkan dengan hukuman (Lampiran 2)

### **3. *Skop***

---

TOP ini digunakan oleh semua pegawai awam yang diberi kuasa dan bertanggungjawab dalam menjalankan aktiviti serbuan dalam menguatkuasakan Akta Racun Makhluk Perosak 1974

### **4. *Definasi***

---

**Pegawai yang diberi kuasa** – mana-mana Pegawai Pelesenan atau pegawai awam yang ditetapkan sebagai pegawai diberi kuasa oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

**Ketua Zon** – Pegawai Kuasa Usaha Negeri yang dilantik untuk menyelaras aktiviti penguatkuasaan di zon

**Ketua Operasi** – Pegawai/ Penolong Pegawai yang dilantik oleh Ketua Zon yang bertanggungjawab dalam mengetuai operasi

**Pegawai Serbuan (*Raid Officer (RO)*)**– mana-mana pegawai yang diberi kuasa dikalangan Pegawai Pertanian/ Penolong Pegawai Pertanian yang dilantik oleh Ketua Operasi untuk mengetuai serbuan.

**Anggota Serbuan** – Pegawai Pertanian/ Penolong Pegawai Pertanian / pegawai awam yang hadir semasa serbuan

**Premis** – bangunan atau kawasan tempat diuruskan atau disyaki diuruskan bertujuan atas digunakan atau sebagai penyimpanan, penjualan suatu racun makhluk perosak

**Racun Mahkluk Perosak** – apa-apa bahan yang mengandungi suatu perawis aktif, atau apa-apa persediaan campuran atau benda yang mengandungi mana-mana satu perawis aktif itu atau lebih sebagai satu daripada juzuknya

**Pegawai Stor Barang Kes** – Pegawai yang dilantik oleh Pengarah Bahagian Kawalan Racun Perosak dan Baja yang bertanggungjawab dalam mengurus stor ekshibit

### **5. Tanggungjawab**

---

TOP ini di bawah tanggungjawab Pengarah Bahagian Kawalan Racun Perosak dan Baja yang bertanggungjawab menyemak, menilai dan mengesahkan setiap butiran yang terkandung di dalamnya.

Pegawai Pegawai Seksyen Penguatkuasaan akan sentiasa menyedia, mengemaskini dan menambahbaik TOP ini dari semasa ke semasa bersesuaian dengan keadaan dan keperluan TOP ini.

Pegawai yang terlibat akan menjalankan tanggungjawab melaksanakan aktiviti serbuan mengikut tatacara seperti yang digariskan di dalam TOP ini.

### **6. Tatacara**

---

Tatacara ini merangkumi operasi serbuan yang dilaksanakan sehingga penyerahan dokumen dan barang kes untuk siasatan lanjut kepada Pegawai Penyiasat

#### **Sebelum Operasi**

1. Pengarah/ Ketua Seksyen Penguatkuasaan/ Ketua Unit Serbuan memberi arahan/ penurunan kuasa untuk menjalankan operasi serbuan kepada Ketua Zon
2. Melantik Ketua Operasi yang bertanggungjawab sepenuhnya semasa operasi.
3. Ketua Zon akan menyelaras aktiviti penguatkuasaan dalam zon dari segi menentukan masa, tempat, keperluan peralatan dan logistik

#### **Semasa Operasi (Sebelum Serbuan)**

4. Ketua Operasi memberi taklimat operasi
5. Ketua Operasi memastikan setiap pegawai yang hadir mengisyihar sebarang kepentingan semasa operasi (*Conflict of Interest (COI)*), dan

- Borang Penarikan Diri serta larangan menggunakan telefon bimbit sebelum operasi
6. Ketua Operasi melantik Pegawai Serbuan (*Raid Officer/ RO*)
  7. RO melantik Pegawai Pelukis Pelan, Pegawai Persampelan dan Jurugambar dari kalangan Anggota Serbuan

#### **Semasa Operasi (Semasa Serbuan)**


8. RO memperkenalkan diri serta menunjukkan Perakuan Pengenalan kepada pemilik/ wakil pemilik dan anggota serbuan serta dan menerangkan tujuan kedatangan.
9. RO memeriksa dokumentasi premis dan mengisi Buku Pemeriksaan Premis.
10. RO mengarahkan Anggota Serbuan melakukan pemeriksaan premis.
11. Anggota Serbuan memaklumkan kepada RO mengenai pelanggaran di bawah ARMP 1974.
12. RO memeriksa pelanggaran berkenaan dan mengesahkan pelanggaran tersebut dan menjelaskan kepada pemilik/ wakil
13. Jurugambar mengambil gambar lokasi, premis dan barang kes yang dijumpai
14. Pegawai Pelukis Pelan menggunakan Pelan Lakar untuk melakar fizikal kawasan dan menandakan kedudukan RMP yang dijumpai
15. Pegawai Persampelan mengisi Borang Catitan Rampasan, membuat penandaan barang kes dan mengambil sampel.
16. RO mengisi Senarai Bongkar dan Senarai Contoh Diambil Untuk Cerakinan
17. RO merampas dokumen berkaitan seperti *Delivery Order (DO)*, *Invois* dan lain-lain yang boleh dijadikan bukti pelanggaran ARMP 1974
18. RO meminta pemilik/ wakil pemilik membuat pengesahan jenis dan kuantiti barang kes dan menandatangani Buku Pemeriksaan Premis, Senarai Bongkar dan Senarai Contoh Diambil Untuk Cerakinan.
19. RO memberikan salinan Senarai Bongkar dan Senarai Contoh Diambil Untuk Cerakinan yang telah ditandatangani dan satu sampel bagi setiap jenis persampelan yang dibuat dan memberi penerangan mengenai penyerahan dan hak kepada pemilik/ wakil pemilik.
20. Anggota Serbuan mengangkut barang yang dirampas ke dalam kenderaan

### **Selepas Operasi**


21. RO membuat Laporan Polis dalam tempoh 24 jam mengenai rampasan yang dilaksanakan
22. RO menyerahkan dokumen dan barang rampasan kepada Unit Siasatan dan Pegawai Stor Barang Kes bagi tujuan penyimpanan

## CARTA ALIRAN SERBUAN PENGUATKUASAAN


### Sebelum Operasi




### **Semasa Operasi (Sebelum Serbuan)**




## Semasa Operasi (Semasa Serbuan)





## **Selepas Operasi**



## ***7. Borang-borang***

---

Senarai Dokumen yang digunakan:

- i. Borang COI
- ii. Borang Penarikan/ Pengecualian diri
- iii. Buku Pemeriksaan Premis
- iv. Buku Catitan Rampasan
- v. Senarai Bongkar
- vi. Senarai Contoh Diambil Untuk Cerakinan
- vii. Pelan Lakar
- viii. Sampel Cerakinan
- ix. Laporan Polis
- x. Borang penyerahan dokumen kepada Unit Siasatan

## ***8. Rujukan***

---

- i. Akta Racun Makhluk Perosak 1974 [Akta 149]
- ii. Akta Keterangan 1950 (Akta 56)
- iii. Kanun Prosedur Jenayah dan Kaedah-Kaedah 1976 (Akta 593)
- iv. Kanun Keseksaan (Akta 574)
- v. Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993
- vi. Pelan Antirasuah Jabatan Pertanian (PLANT DOA) 2020-2025

## ***9. Lampiran***

---

- i. Kuasa-Kuasa Yang Diturunkan kepada Pegawai Yang Dberi Kuasa
- ii. Kesalahan Yang Boleh Didakwa Dibawah ARMP 1974

***10. Pematuhan***

---

Kegagalan pegawai untuk mematuhi TOP **PEMERIKSAAN DAN SERBUAN DALAM PENGUATKUASAAN** Jabatan Pertanian boleh dikenakan Tindakan Tatatertib di Bawah Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.

***11. Tarikh Kuatkuasa***

---

TOP ini berkuatkuasa pada 25 Julai 2024

## **Cabutan Pelan Antirasuah Jabatan Pertanian (PLANT DOA) 2020-2025**

Masa : Waktu Pejabat

Tempat: Wisma Tani KL

Bidang Berisiko Penguatkuasaan Undang-Undang

Strategi 5 Menginstitusikan Kredibiliti Agensi Penguatkuasaan Undang-Undang

Objektif 5.2 Keperluan Penggunaan Teknologi Tinggi dalam Penguatkuasaan Undang-Undang

Risiko Peningkatan aktiviti penyeludupan, penggunaan, penyimpanan, penjualan dan pembelian racun makhluk perosak tidak berdaftar

Inisiatif / Tindakan Membangunkan satu TOP penyiasatan perlanggaran Akta Racun Makhluk Perosak 1974

Pelaksana Bahagian Kawalan Racun Perosak dan Baja

	Disediakan Oleh	Disemak Oleh	Disahkan Oleh
Tandatangan			
Nama	ABDUL RAZAK BIN MUSTAFA	ISMAIL BIN IBERAHIM	MAT IESAK BIN NGATHINEE
Jawatan	Ketua Unit Serbuan	Ketua Seksyen Penguatkuasaan	Pengarah Bahagian Kawalan Racun Perosak dan Baja
Tarikh	10 JUL 2024	10 JUL 2024	10 JUL 2024

## Borang COI



TA.BPPK01

### BORANG PENGISYIHKARAN PERCANGGAHAN KEPENTINGAN (*CONFLICT OF INTEREST*)

Saya ..... nombor K.P ..... dari  
Bahagian/Unit ..... adalah dengan sesungguhnya dan  
sebenarnya mengisyiharkan bahawa:

- i. Saya telah dilantik/ diarahkan melaksanakan tugas sebagai .....  
bagi projek/ mesyuarat/ temuduga/ lain-lain tugas iaitu:
  - 1) .....
  - 2) .....
  - 3) .....tanpa mempunyai apa-apa kepentingan peribadi atau kepentingan hak atau dipengaruhi oleh mana-mana pihak lain atau terlibat dalam apa-apa amalan rasuah atau ganjaran seperti ditafsirkan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009 [Akta 694];
- ii. Tiada mana-mana ahli keluarga atau saudara terdekat saya mempunyai apa-apa kepentingan dalam mana-mana urusan perolehan atau urusan-urusan lain yang berkaitan dengan projek/ mesyuarat/ temuduga yang dikendalikan oleh saya;
- iii. Saya tidak akan mendedahkan apa-apa maklumat sulit berkaitan perolehan atau projek/ mesyuarat/ temuduga kepada mana-mana pihak selaras dengan Akta Rahsia Rasmi 1972 [Akta 88]; dan
- iv. Saya sesungguhnya akur dan faham bahawa jika saya disabitkan kerana melanggar mana-mana terma dalam surat akuan ini, saya boleh dikenakan tindakan tatatertib di bawah Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.

Nama : .....

Jawatan/Gred : .....

No. Kad Pengenalan : .....

Tandatangan : .....

Tarikh : .....

## Borang Penarikan/ Pengecualian diri



TA.BPPK02

### BORANG PENGISYIHKARAN PERCANGGAHAN KEPENTINGAN (*CONFLICT OF INTEREST*) - PENARIKAN/ PENGECUALIAN DIRI

Saya, ..... nombor K.P ..... dari  
Bahagian/Unit ..... adalah dengan sesungguhnya dan  
sebenarnya mengisyiharkan bahawa saya mempunyai kepentingan secara langsung atau tidak  
langsung dalam proses kerja atau perkara yang menimbulkan atau boleh menimbulkan  
percanggahan kepentingan dengan tugas-tugas saya sebagai kakitangan Jabatan Pertanian. Butir-  
butir proses kerja atau perkara berkenaan dinyatakan seperti berikut:

Individu/ Syarikat/ Organisasi bernama: .....  
.....

adalah merupakan .....  
(Sila nyatakan hubungan dengan individu/syarikat/organisasi di atas)

dan saya merupakan .....  
.....  
(Sila nyatakan peranan pegawai dalam proses kerja atau perkara yang diuruskan)

Sehubungan itu, saya dengan ini memohon penarikan diri atau dikecualikan daripada terlibat  
dalam apa-apa proses kerja yang berkaitan dengan .....

.....  
(Sila nyatakan urusan terlibat)

Nama : .....

Jawatan/Gred : .....

No. Kad Pengenalan : .....

Tandatangan : .....

Tarikh : .....

## **Buku Pemeriksaan Premis dan Ladang**

TAHUN:

REMEKIKSAAN PERMIS DAN LADANG

## Buku Catitan Rampasan

NAMA PREMIS  
ALAMAT PREMIS

**PEGAWAI SERBUAN:  
TARIKH  
MASA**



## **Senarai Bongkar**



KEMENTERIAN PERTANIAN INDUSTRI ASAS TANI  
BAHAGIAN KAWALAN RACUN MAKHLUK PEROSAK  
JABATAN PERTANIAN  
Telefon: 03-2030 1400  
Faks: 03-2694 7001



22502

## **SENARAI BONGKAR**

(Dilengkapkan pada masa dan tempat pemeriksaan/serbuan dalam 3 salinan)

**Nama :**.....

Alamat Premis yang diperiksa/serbu : .....

No. Lesen LRMP : ..... Tarikh dikeluarkan : .....

Nombor Daftar Perniagaan/Syarikat: ..... Tarikh dikeluarkan : .....

Nama Tuan Punya Premis atau kakitangan lain yang hadir semasa pemeriksaan/serbuan : .....

..... No. K/P : ..... Jawatan : .....

Nama Pegawai-pegawai lain yang hadir semasa pemeriksaan/serbuhan : .....

Tarikh pemeriksaan/serbuan :..... Masa :.....

Saya mengaku menerima satu (1) salinan Senarai Bongkar ini

Pegawai yang diberi kuasa mengetuai pemeriksaan/serbuhan

Tandatangan : .....

Nama : .....

No. Kad Pengenalan : ....

Tarikh : .....

**Cop Syarikat/Perniagaan :**

Tandatangan : .....

Nama : .....

Tarikh : .....

## **Senarai Contoh Diambil Untuk Cerakinan**



**KEMENTERIAN PERTANIAN INDUSTRI ASAS TANI**  
**BAHAGIAN KAWALAN RACUN MAKHLUK PEROSAK**  
**JABATAN PERTANIAN**  
Telefon: 03-2030 1400  
Faksi: 03-2694 7001



04852

**SENARAI CONTOH DIAMBIL UNTUK CERAKINAN**  
*(Dilengkapkan pada masa dan tempat pemeriksaan/serbuan dalam 3 salinan)*

Nama : .....

Alamat Premis yang dimana contoh diambil : .....

Nombor Daftar Perniagaan/Syarikat : ..... Tarikh dikeluarkan : .....

Nama Tuan Punya Premis atau kakitangan lain yang hadir semasa pengambilan contoh dilakukan : .....

..... No. K/P : ..... Jawatan : .....

Nama Pegawai-pegawai lain yang hadir semasa pengambilan contoh dilakukan : .....

.....

.....

Tarikh pemeriksaan/serbuan : ..... Masa : .....

Kuantiti Contoh

Nombor Siri | Barang/Contoh yang diambil | Tanda Barang | Kuantiti Contohnya yang diambil

For more information about the study, please contact Dr. John Smith at (555) 123-4567 or via email at [john.smith@researchinstitute.org](mailto:john.smith@researchinstitute.org).

Saya mengaku menerima satu (1) salinan Senarai Contoh Diambil Untuk Cerakin berserta satu bahagian dari setiap contoh di atas.

Pegawai yang diberi kuasa mengambil contoh tersebut

Tandatangan : .....

Tandatangan : .....

Name : .....

Nama : .....

No. Kad Pengenalan : .....

Tarikh : .....

Tarikh : .....

Cop Syarikat/Perniagaan :

**Pelan Lakar**



**PELAN LAKAR**



**NAMA PREMIS DISERBU/PERIKSA:**

**ALAMAT:**

**DILUKIS OLEH:**

**JAWATAN:**

**TANDATANGAN PELUKIS:**

**PETUNJUK**

**TARIKH:**

## Sampel Cerakinan

<b>SAMPEL CERAKINAN</b> AKTA RACUN MAKHLUK PEROSAK 1974	
Tarikh: _____ Mata: _____	
Nama PDR: _____	
Nama Pemilik: _____	
Alamat Pemilik: _____ Tele: _____	
Jenama Produk: _____	
Bilangan Rampasan (unit): _____ Nilai Rampasan: _____	
Catatan: _____	
<b>PEGAWAI DIBERI KUASA DIBAWAH LRMP</b> JENAMA: _____ DATE: _____ Surat ini diberikan berdasarkan perintah Akta Racun Makhluuk Perosak 1974 untuk tujuan Cerakinan.	
<b>PEGAWAI DIBERI KUASA DIBAWAH LRMP</b> JENAMA: _____ DATE: _____ Surat ini diberikan berdasarkan perintah Akta Racun Makhluuk Perosak 1974 untuk tujuan Cerakinan.	
<b>PEGAWAI DIBERI KUASA DIBAWAH LRMP</b> JENAMA: _____ DATE: _____ Surat ini diberikan berdasarkan perintah Akta Racun Makhluuk Perosak 1974 untuk tujuan Cerakinan.	
<b>PEGAWAI DIBERI KUASA DIBAWAH LRMP</b> JENAMA: _____ DATE: _____ Surat ini diberikan berdasarkan perintah Akta Racun Makhluuk Perosak 1974 untuk tujuan Cerakinan.	
No. Siri: 07045	

## Laporan Polis



### LAPORAN POLIS



Balai Polis:..... No. Laporan:.....  
Tarikh:..... Masa:.....  
Nama:..... No. K/P:.....  
Jantina:..... Umur:.....  
Bangsa:..... Bahasa:.....  
Jawatan:.....

Alamat: Jabatan Pertanian, Jalan Sultan Salahuddin, 50632 Kuala Lumpur.

Nombor Telefon: 03-2030 1400

No Faks: 03-2694 7001

#### Aduan

Pada ..... kira-kira pukul ..... di dalam menjalankan tugas  
di bawah Akta Racun Makhluk Perosak 1974, saya bersama.....

telah memeriksa premis .....  
beralamat di .....

Di dalam pemeriksaan itu, saya telah merampas:-

.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....

Untuk tujuan siasatan di bawah Akta Racun Makhluk Perosak 1974.

Sekian laporan saya.

( ..... )

## Borang penyerahan dokumen kepada Unit Siasatan



### SENARAI SEMAK 'INVESTIGATION PAPER'

BIL.	PERKARA	TANDATANGAN PERAKUAN
1	LAPORAN POLIS NO. REPOT: TARIKH:	
2	BORANG SENARAI BONGKAR NO. SIRI BORANG:	
3	BORANG SENARAI CONTOH DIAMBIL UNTUK CERAKINAN NO. SIRI BORANG:	
4	PELAN LAKAR	
5	SAMPEL-SAMPEL FIZIKAL (LENGKAP-Makmal dan IO) NO SIRI:	
6	GAMBAR-GAMBAR JURUKAMERA: LOKASI KAMERA:	
7	TUJUAN RAMPASAN: (cth; tiada lesen, racun tidak berdaftar)	
8	LOKASI STOR: PEGAWAI-PEGAWAI STOR:	
9	DOKUMEN-DOKUMEN LAIN:	
10	APA-APA YANG PATUT DISEBUT ATAU UNIK (cth; tidak jumpa pemilik barang, tiada kerjasama daripada orang disyaki)	

#### PENYERAH

NAMA:  
TANDATANGAN:  
TARIKH:

#### PENERIMA

NAMA:  
TANDATANGAN:  
TARIKH:

## **LAMPIRAN 1**

### **KUASA-KUASA YANG DITURUNKAN KEPADA PEGAWAI YANG DIBERI KUASA**

#### **Kemasukan, pemeriksaan dan penyitaan**

##### **Seksyen 22**

Seorang pegawai yang diberi kuasa boleh –

- a) Pada bila-bila masa yang munasabah masuk ke dalam dan memeriksa mana-mana tempat jika dia mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa terdapat makanan yang dicadangkan untuk jualan;
- b) Memeriksa mana-mana makanan, di mana-mana juga ditemui yang dia mempunyai sebab untuk mempercayai adalah dicadangkan untuk jualan
- c) Menyita, menahan atau memindahkan sebarang makanan yang ialah atau ternyata atau dipercayai makanan tercemar, dan boleh menandakan, mengelak atau selainnya mendapatkan makanan itu untuk menguatkuasakan penyitaan, penahanan atau pemindahan makanan itu.

#### **Kemasukan, penggeledahan dan penyitaan**

##### **Seksyen 31**

Seseorang pegawai yang diberi kuasa boleh pada bila-bila masa yang munasabah masuk ke dalam mana-mana tempat yang sesuatu racun makhluk perosak adalah atau boleh semunasabahnya dianggap disimpan atau disetor dan, dengan sendirinya atau dengan mana-mana orang lain yang menyertainya dan yang bertindak di bawah arahannya dan dalam kehadirannya, boleh menggeledah tempat itu dan boleh—

- a) memeriksa dan, apabila membayar nilai pasaran semasanya, jika diminta, mengambil contoh apa-apa bahan yang didapati dalam tempat itu dan semunasabahnya dipercayai sebagai atau mengandungi suatu racun makhluk perosak;
- b) menghendaki dikemukakan, memeriksa, membuat salinan atau mengambil cabutan daripada, mana-mana buku atau rekod yang berhubungan dengan atau semunasabahnya dipercayai berhubungan dengan apaapa perniagaan atau pengurusan racun makhluk perosak dan yang disimpan atau didapati dalam tempat itu dan boleh, jika dia mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa buku atau rekod itu boleh memberikan keterangan tentang perlakuan suatu kesalahan terhadap Akta ini atau kaedah-kaedah atau peraturan-peraturan, menyita buku atau rekod itu;
- c) menyita, menahan atau memindahkan apa-apa bahan yang didapati dalamnya dan yang semunasabahnya dipercayai sebagai atau

mengandungi suatu racun makhluk perosak yang berkenaan dengannya suatu kesalahan terhadap Akta ini atau kaedah-kaedah atau peraturan-peraturan adalah sedang atau telah dilakukan, dan menandakan, mengelak atau selainnya mendapatkan bahan itu bagi melaksanakan penyitaan, penahanan atau pemindahan bahan itu.

### **Kuasa untuk memberhentikan dan menggeledah kenderaan**

#### **Seksyen 32**

1. Jika seseorang pegawai yang diberi kuasa mempunyai syak yang munasabah bahawa suatu kenderaan membawa suatu racun makhluk perosak yang melanggar Akta ini atau kaedah-kaedah atau peraturan-peraturan atau yang berkenaan dengannya suatu kesalahan terhadap Akta ini atau kaedah-kaedah atau peraturan-peraturan adalah sedang atau telah dilakukan, dia boleh memberhentikan dan memeriksa kenderaan itu dan menyita mana-mana racun makhluk perosak yang didapati dalam kenderaan itu yang berkenaan dengannya pelanggaran atau kesalahan itu disyaki sedang atau telah dilakukan dan mana-mana buku atau dokumen yang semunasabahnya dipercayai dapat memberikan keterangan mengenai pelanggaran atau pelakuan kesalahan itu.
2. Orang yang mengawal atau menjaga kenderaan itu hendaklah, jika dikehendaki untuk berbuat demikian oleh pegawai yang diberi kuasa itu—
  - a. memberhentikan kenderaan itu dan membenarkan pegawai yang diberi kuasa itu memeriksanya; dan
  - b. membuka semua bahagian kenderaan untuk diperiksa dan mengambil segala langkah bagi membolehkan atau menyenangkan pelaksanaan pemeriksaan itu sebagaimana yang difikirkan perlu oleh pegawai yang diberi kuasa itu,

dan jika dia tidak berbuat demikian dia melakukan suatu kesalahan.

**LAMPIRAN 2**

**KESALAHAN YANG BOLEH DIDAKWA DI BAWAH ARMP 1974**

<b>Seksyen</b>	<b>Kesalahan</b>	<b>Hukuman</b>
13(1)	Mengimport atau mengilang racun makhluk perosak tidak berdaftar	13(2) Kesalahan pertama penjara 5 tahun atau denda RM50 ribu Kesalahan kedua penjara 10 tahun atau denda RM 100 ribu
14A(1)	Menyelidik sesuatu racun makhluk perosak yang tidak berdaftar tanpa sebarang permit	14A(6) Penjara 6 tahun atau denda RM 50 ribu
20 (1)	Mengilang, menjual atau menyimpan untuk jualan suatu racun makhluk perosak tanpa lesen yang dikeluarkan oleh Lembaga	20(4) Kesalahan pertama Penjara 3 tahun atau denda RM 10 ribu Kesalahan kedua penjara 6 tahun atau denda RM 20 ribu
20(2)	Mengilang, menjual atau menyimpan untuk jualan suatu racun makhluk perosak di premis selain yang dileSENkan oleh Lembaga	20(4) Kesalahan pertama Penjara 3 tahun atau denda RM 10 ribu Kesalahan kedua penjara 6 tahun atau denda RM 20 ribu
20(3)	Menjual atau menyimpan untuk jualan sesuatu racun makhluk perosak yang tidak didaftarkan oleh lembaga	20(4) Kesalahan pertama Penjara 3 tahun atau denda RM 10 ribu Kesalahan kedua penjara 6 tahun atau denda RM 20 ribu
53A(1)(a)	Memiliki atau menggunakan racun makhluk perosak tidak berdaftar	53A(2) Kesalahan pertama penjara satu 1 tahun atau denda RM 10 ribu Kesalahan kedua penjara 3 tahun atau denda RM 20 ribu
53A(1)(b)	Menggunakan racun makhluk perosak tidak mengikut pengesyoran pada label	53A(2) Kesalahan pertama penjara satu 1 tahun atau denda RM 10 ribu Kesalahan kedua penjara 3 tahun atau denda RM 20 ribu
56	Penalti AM Sebarang pelanggaran kepada ARMP 1974 serta Kaedah-Kaedah dan Peraturan-Peraturan di bawah ARMP 1974 yang tiada penalti khusus yang diperuntukkan	56 Kesalahan pertama penjara 6 bulan atau denda RM 5 ribu Kesalahan kedua penjara 1 tahun atau denda RM 10 ribu
	Kaedah-Kaedah Racun Makhluk Perosak (Pengendali Kawalan Racun Makhluk Perosak) 2004 Menyediakan perkhidmatan pengendali kawalan racun makhluk perosak tanpa lesen yang dikeluarkan oleh lembaga Sebarang pelanggaran terhadap syarat-syarat yang terkandung dalam Kaedah	Peraturan 18 Kesalahan pertama penjara 6 bulan atau denda RM 1 ribu Kesalahan kedua penjara 1 tahun atau denda RM 2 ribu